


WANITA RAKAN SINERGI PENTING EKONOMI

DALAM menuju ke arah negara berpendapatan tinggi, sumbangan wanita kepada pembangunan negara tidak harus dipandang sepi kerana wanita merupakan aset yang amat bernilai kepada negara. Tenaga dan potensi wanita harus dimanfaatkan sepenuhnya untuk negara. Oleh itu, golongan wanita harus dianggap sebagai rakan strategik yang sama-sama berperanan penting dalam memberikan sumbangan besar kepada pembangunan negara. Lebih-lebih lagi wanita mewakili sejumlah 49.1 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia.

Daripada jumlah tersebut pasti banyak modal insan yang bernama wanita ini mempunyai kualiti, kepakaran, keterampilan, berpotensi, berkemahiran tinggi, berdaya saing, produktif, kreatif dan berinovasi yang dapat dimanfaatkan oleh industri dan pasaran kerja. Menurut Laporan Pembangunan Jnsn Asia Pasifik UNDP pada tahun 2010, sekiranya kadar penyertaan tenaga kerja meningkat kepada 55 peratus, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan turut mengalami peningkatan sebanyak dua peratus setiap tahun. Dari segi pemilikan syarikat, sejumlah 82 911 buah syarikat dimiliki oleh wanita di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 16 peratus merupakan syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS), 90 peratus terlibat dalam sektor perkhidmatan, manakala 10 peratus terlibat dalam bidang pembuatan dan pertanian.

Pemeriksaan peranan wanita telah berubah dengan pengenalan dasar yang membolehkan pembabitannya mereka dalam kegiatan bersifat ekonomi, sosial dan politik. Penggubalan Dasar Wanita



Negara pada tahun 1985 membuktikan peranan penting dan signifikannya wanita sebagai antara nadi penggerak pembangunan negara. Selain bertujuan untuk memperkasakan peranan wanita, dasar ini juga digubal bagi memastikan hak wanita dipelihara secara adil dan berkesan dan untuk meningkatkan penyertaan dan peranan aktif sebagai penyumbang dan penerima faedah pembangunan negara. Kerajaan turut menubuhkan Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (*National*

Advisory Council on the Integration of Women in Development - NACIWID) bagi memastikan pelibatan serius wanita dalam aspek pembangunan negara.

Dalam tiga tempoh Rancangan Malaysia yang dilaksanakan oleh negara, iaitu Rancangan Malaysia Kelapan, Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Ke-10, menunjukkan bahawa wanita memberikan sumbangan yang ketara bukan sahaja kepada pembangunan ekonomi, malahan

kepada pembangunan sosial negara. Dalam tempoh tersebut juga, pelbagai usaha diambil dengan menyediakan persekitaran yang kondusif bagi memastikan penyertaan wanita lebih berkesan dalam membangunkan negara. Hal ini penting kerana wanita dapat memainkan peranan dalam pelbagai lapisan masyarakat sebagai penyumbang bukan sahaja kepada pertumbuhan ekonomi, malah kesejahteraan sosial dan kemakmuran negara.

Peranan yang dimainkan oleh NGO wanita dalam melaksanakan program memperkasakan ekonomi wanita memberikan manfaat yang besar kepada negara.

Pentingnya sumbangan wanita dalam menandakan pendapatan negara, kerajaan turut menyediakan peruntukan besar kepada golongan wanita dalam Belanjawan 2013. Peruntukan ini dilihat dapat membantu merencanakan program yang dapat memberikan manfaat besar kepada wanita. Sebanyak RM50 juta disediakan bagi melonjakkan sumbangan wanita melalui program pengupayaan ekonomi. Selain itu, sejumlah RM400 juta yang diperuntukkan bagi program IAZAM yang bertujuan menyediakan peluang menandakan pendapatan kepada golongan berpendapatan rendah dan memberikan manfaat kepada 58 330 orang wanita.

Sementara itu, bagi menghadapi cabaran ekonomi berasaskan pengetahuan, wanita seharusnya dilengkapi dengan pakej yang sesuai supaya mampu bersaing dengan



golongan lelaki, berkebolehan, mempunyai kredibiliti, dan dipandang tinggi supaya "kehadiran" dan kehebatan wanita disedari. Bagi memasuki ke universiti awam bagi sesi 2013/2014 sahaja, sejumlah 68 peratus tempat diisi oleh golongan wanita.

Dalam hal ini juga, peranan persatuan atau Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) penting untuk mendorong kejayaan wanita bagi melangkah lebih jauh dalam industri pekerjaan, korporat dan perniagaan. Melalui pelibatan wanita dalam pelbagai pertubuhan bukan kerajaan yang ada, secara tidak langsung wanita dapat melibatkan diri untuk membangunkan negara secara aktif. Pelbagai sumbangan pemikiran, idea, bakat, kepakaran, atau cadangan dapat disalurkan melalui NGO yang terlibat yang secara tidak langsung dapat menjadi agen pembangunan negara dalam pelbagai bidang, termasuklah pendidikan, keagamaan, sosial, undang-undang, budaya dan ekonomi.

Peranan yang dimainkan oleh NGO wanita dalam melaksanakan program memperkasakan ekonomi wanita memberikan manfaat yang besar kepada negara. Sejak tahun 2001 hingga Mei 2012, sejumlah 807 NGO mendapat manfaat daripada sejumlah RM42 juta yang diperuntukkan di bawah Bantuan Khas Perbendaharaan bagi melaksanakan program yang berkaitan dengan pengupayaan dan

pembangunan wanita. Program yang dijalankan berasaskan bidang keutamaan, seperti literasi undang-undang, latihan dan peningkatan kemahiran, kepekaan gender, teknologi maklumat dan komunikasi serta pengurusan emosi.

Selain itu, dengan tertubuhnya Institut Pengupayaan Wanita bagi Anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali atau NIEW di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat misalnya, dapat membantu menyerlahkan bakat dan potensi yang dimiliki oleh wanita. Malah, kehadiran NIEW juga dapat membantu menangani isu "permintaan" tenaga wanita yang diperlukan. NIEW turut memperkenalkan Program Pengarah Wanita dan mengenal pasti wanita yang sesuai serta mempunyai bakat dan kebolehan untuk memegang jawatan sebagai pengarah wanita. Menurut Menteri di Jabatan Menteri, Datuk Seri Idris Jala, setakat ini sejumlah 358 orang wanita telah pun menamatkan program yang diadakan dan menjelang akhir tahun, negara akan memiliki sejumlah 700 orang wanita yang sudah bersedia memikul tanggungjawab yang diamanahkan.

Usaha kerajaan ini mendapat sokongan daripada pelbagai Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan. Syarikat, seperti MAHB, Plus Expressway Berhad, Telekom Malaysia, Telekom Nasional



Datin Sri Rosmah Mansor membawa Global Summit of Women ke Kuala Lumpur.

Berhad, dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah menyahut saranan dan usaha baik kerajaan dengan melantik tiga orang pengarah wanita.

Menyedari akan kepentingan tenaga wanita dalam Program Transformasi Ekonomi, (PTE) yang bertujuan untuk melonjakkan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi, kerajaan mengambil langkah berani dan penuh aspirasi dengan menambahkan jumlah pembabitan wanita dalam pasaran tenaga hingga 55 peratus bagi meningkatkan penyertaan wanita sebagai pembuat keputusan kepada 30 peratus menjelang tahun 2016. Negara Nordik, seperti Denmark, Finland, Iceland, Norway, dan Sweden misalnya, merekodkan peratusan tertinggi pembabitan wanita dalam parlimen kebangsaan, iaitu sebanyak 42 peratus, manakala negara Asia merekodkan sejumlah 18.5 peratus, dan negara Arab 13.8 peratus.

Peranan wanita kini perlu diperkukuh kerana wanita berupaya untuk berdirikan dan mampu bersaing dengan golongan lelaki. Walau bagaimanapun, agak memeranjatkan apabila data menunjukkan bahawa penyertaan wanita Malaysia dalam tenaga kerja berada pada tahap yang paling rendah di rantau ASEAN. Pada tahun 2012, pembabitan wanita dalam lingkungan umur yang layak bekerja dan sedang bekerja hanyalah 47.9 peratus atau 4.58 juta daripada

sejumlah 9.57 juta wanita. Sebaliknya, Singapura mencatatkan sejumlah 60 peratus pembabitan wanita dalam tenaga kerja pada tahun 2010. Angka di Laos mencecah 80 peratus, manakala di United Kingdom, Denmark dan Sweden pula mencatatkan penyertaan wanita masing-masing 68 peratus, 75 peratus dan 74 peratus.

Selain itu, bagi memperluas dan merencanakan perkembangan ekonomi wanita pada peringkat global, Malaysia turut menganggotai *Global Summit of Women* (GSW) yang ditubuhkan pada tahun 1990. Melalui GSW, iaitu NGO yang beribu pejabat di Washington DC, Amerika Syarikat, wanita di Malaysia dapat bersama-sama menyumbangkan fikiran, bertukar-tukar pendapat dan berkongsi idea dan kepakaran yang dapat memajukan ekonomi wanita. GSW dilihat sebagai ruang terbaik bagi menajankan pendapatan wanita secara global.

Persidangan Kemuncak Global Wanita 2013 dengan Malaysia sebagai tuan rumah yang diadakan baru-baru ini, telah berjaya mengumpulkan sejumlah 1100 ahli perniagaan wanita dari 72 buah negara di seluruh dunia, iaitu jumlah kehadiran terbesar setakat ini. Forum pertemuan yang dianjurkan oleh GSW untuk sektor awam, swasta, dan NGO berupaya memperluas peluang ekonomi dan

pelaburan bagi kaum wanita melalui pertukaran penyelesaian kerja dan strategi kreatif di seluruh dunia serta membina jaringan perniagaan yang lebih luas dengan rakan sesama ahli dari seluruh dunia.

Menurut Presiden GSW, Irene Natividad, ruang yang disediakan dapat menjadi platform untuk menorka strategi praktikal dan amalan terbaik dalam memajukan peluang ekonomi kaum wanita. Cara yang paling baik adalah melalui persidangan ini ialah wanita dapat belajar antara satu sama lain dan sidang kemuncak yang

Malaysia ada banyak tokoh perniagaan wanita dan GSW berharap dapat mengembangkan jangkauan global mereka melalui kerjasama dengan ahlinya dari seluruh dunia.

diadakan dapat membantu merangsang perniagaan ahli serta berkongsi pelan kerjaya dan pengalaman kejayaan wanita dari negara yang terlibat.

Menurut Natividad lagi, abad ke-21 akan menjadi abad Asia kerana pertumbuhan ekonomi wanita yang membanggakan dalam rantau ini yang akan memacu ekonomi global dan Malaysia dilihat berperanan penting dalam pertumbuhan itu. Malaysia ada banyak tokoh perniagaan wanita dan GSW berharap dapat mengembangkan jangkauan global mereka melalui kerjasama dengan ahlinya dari seluruh dunia. **DE**